

19/02/1997

Kelantan sembunyi sesuatu: PM

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Selasa - Tindakan Kerajaan Pas Kelantan menolak soalan lisan dan bertulis daripada wakil rakyat Barisan Nasional (BN) untuk dibentangkan di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan 23 Februari ini, menunjukkan kerajaan negeri itu takut dan ingin menyembunyikan sesuatu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika soalan yang ditolak itu tidak relevan, BN tidak akan membantahnya.

"Tetapi kalau (soalan) yang ditolak itu mempunyai hubung kait dengan pentadbiran, itu nampak seolah-olah dia takut dan ingin menyembungi sesuatu," katanya dalam sidang akhbar di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, petang ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai tindakan Kerajaan Pas Kelantan semalam, menolak 19 soalan lisan dan satu soalan bertulis Wakil Rakyat BN untuk dikemukakan di persidangan DUN Kelantan, 23 Februari ini.

Kebanyakan soalan yang ditolak itu berhubung aspek pentadbiran dan cara kerajaan negeri melaksanakan keadilan terhadap rakyat Kelantan, yang perlu diketahui umum.

Dalam sidang akhbar yang sama, Dr Mahathir turut ditanya mengenai spekulasi konon Umno akan mengembangkan sayap ke Sarawak menjelang tahun 2000 dan sekali lagi Perdana Menteri menyangkalnya.

"Kita tiada cadangan (membawa Umno ke Sarawak) menjelang tahun 2000 atau 2020 atau apapun. Umno hanya akan ke Sarawak apabila Sarawak berpendapat Umno perlu ke Sarawak ... apabila saya berkata begini, saya bermaksud majoriti Bumiputera di sana, bukan segelintir orang yang membuat ramalan dan khabar angin ... itu tidak diambilkira," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Badan Perhubungan Umno Sabah pagi ini, Dr Mahathir berkata, ia sekadar memberi penjelasan terhadap fungsi, falsafah dan budaya Umno kepada pemimpin parti itu di Sabah.

Menurutnya, penjelasan dari semasa ke semasa perlu kerana Umno Sabah lebih muda berbanding tempat lain.

"Walaupun pemimpin di sini sudah menunjukkan nilai Umno, masih banyak lagi asal-usul Umno tidak diketahui pemimpin Umno Sabah dan saya mengulangi perkara ini supaya kita dapat lebih memahami Umno dan mengamalkan budaya Umno," katanya.

Selepas pertemuan dengan Umno, Perdana Menteri turut menemui pemimpin gereja di Sabah.

Dr Mahathir berkata, perjumpaan itu sebenarnya bertujuan menjalin persefahaman di antara pemimpin gereja dengan kerajaan, selain untuk memberi penjelasan kepada mereka mengenai dasar kerajaan, terutama soal kebebasan beragama.

"Saya terangkan betapa penting kita bersikap toleransi. Kita harus ingat negara kita mempunyai penduduk pelbagai agama dan masing-masing mestilah sanggup bertolak ansur.

"Saya dapati mereka begitu positif sekali dalam menerima dasar kerajaan. Saya berpendapat perjumpaan ini menguntungkan kedua-dua pihak," katanya.

Mengenai kes cubaan menyeludup balak keluar di Pulau Sebatik, Tawau, 18 Januari lalu, Perdana Menteri berkata, beliau belum menerima laporan hasil siasatan daripada polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Katanya, kerajaan perlu menunggu laporan itu sebelum menentukan sebarang tindakan susulan.

Ditanya apakah kes penyeludupan itu serius, Dr Mahathir berkata: "Soal

sama ada ia serius bergantung kepada laporan siasatan itu."

Pada 18 Januari lalu, Jabatan Perhutanan Sabah menahan sebuah kapal kargo membawa 3,049 balak bernilai RM6 juta di perairan Pulau Sebatik kerana disyaki cuba diseludup keluar.

Dr Mahathir berkata siasatan oleh pihak ketiga dalam kes itu penting bagi menentukan sama ada berlaku pertindihan kuasa mengenai balak di antara jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri.

Katanya, dalam isu balak memang ada kuasa kerajaan negeri dan Pusat, tetapi penyiasatan pihak ketiga perlu sama ada berlaku pertindihan kuasa dalam pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan.

(END)